

Tarikh Dibaca: 05 Februari 2021 | 23 Jumadal Akhirah 1442H

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“PERASUAH PEROSAK AGAMA
BANGSA”***

***Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



“PERASUAH PEROSAK AGAMA BANGSA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ
وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ
وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan tuan-tuan sekalian, marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benarnya bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

¹ Al- Baqarah : 188

² Ali-Imran : 102



Pada hari yang mulia lagi berkat ini, marilah kita bersama-sama menghayati khutbah yang bertajuk **"PERASUAH PEROSAK AGAMA BANGSA"**.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah.

Amalan rasuah adalah faktor kemuncak kepada kehancuran sesebuah tamadun bangsa dan negara. Perbuatan memberi dan menerima rasuah adalah suatu perbuatan pemerkosaan yang sangat kejam terhadap sistem kehidupan beragama, bermasyarakat dan bernegara. Negara bangsa mahu pun organisasi yang berjaya, sentiasa mendukung tinggi prinsip moral yang kuat, kesaksamaan, amanah, kejujuran dan ikhlas. Perbuatan tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan sebagai perasuah adalah manifestasi buruk keperibadian seseorang kerana sanggup menjual amanah, menjual harga diri, menjual keberkatan sebuah keluarga, menjual kredibiliti sebuah organisasi, menjual kedaulatan bangsa dan lebih dahsyat lagi ia memburukkan imej dan menafikan keindahan Islam iyu sendiri.

Rasuah adalah suatu pemberian kepada seseorang untuk membenarkan sesuatu yang salah atau membatalkan sesuatu yang benar. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai pemberian sama ada dalam bentuk harta atau manfaat tertentu yang bertujuan untuk memperolehi sesuatu yang bukan haknya, atau menzalimi pihak yang lain.

Islam menetapkan rasuah adalah perbuatan dosa besar, kerana ia termasuk dalam perkara memakan atau mengambil harta orang lain dengan jalan yang salah sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 188 yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu



menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)."

Kita sering didedahkan mengenai bahaya rasuah, kerajaan berbelanja besar menubuhkan pelbagai jabatan selain SPRM untuk membanteras rasuah, tetapi rasuah tetap berlaku. Lupakah kita bahawa rezeki yang diperolehi daripada sumber rasuah adalah haram dan tidak berkat? Tidak rasa bersalahkah kita dengan membawa pulang hasil pendapatan untuk membina kemewahan dan meninggalkan legasi yang haram kepada ahli keluarga dan keturunan? Mengapakah kita sanggup untuk memberi makan anak, isteri dan keluarga kita dengan hasil yang haram? Atau kita sudah tidak percaya dengan dahsyatnya keseksaan api neraka Allah SWT?. Ahli keluarga dan anak-anak yang membesar dengan sumber yang haram bukan sahaja tidak akan mendapat kebahagiaan dan keberkatan di dunia dan akhirat, bahkan hatinya gelap dan keras serta jiwanya mudah memberontak dan cenderung melakukan perkara-perkara yang haram.

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah Radiallahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ لَحْمٌ نَبَتَ مِنَ السُّحْتِ، وَكُلُّ لَحْمٍ نَبَتَ
مِنَ السُّحْتِ، كَانَتْ النَّارُ أَوْلَىٰ بِهِ.

"Tidak masuk syurga daging yang tumbuh daripada sumber yang haram. Dan setiap daging yang tumbuh daripada sumber yang haram, neraka adalah lebih utama baginya".

(Riwayat al-Hakim).



Rasuah juga menyebabkan tertolaknya ibadah dan doa kerana terkesan daripada sumber haram tersebut. Alangkah ruginya kita, hanya kerana disebabkan secebis kepuasan duniawi itu kita sanggup melakukan perbuatan keji, ibadah yang banyak menjadi suatu keletihan manakala doa sebagai senjata umat Islam tidak dimakbulkan oleh Allah SWT.

Sebuah rencana yang dikeluarkan oleh akhbar Utusan Malaysia bertarikh 21 Disember 2020 menyebutkan bahawa, berdasarkan laporan Global Corruption Barometer (GCB 2020) yang dikeluarkan oleh Transparency International, rakyat Malaysia berpendapat, 36% ahli-ahli Parlimen terlibat dengan rasuah, diikuti PDRM 30%, eksekutif perniagaan 27%, pejabat Perdana Menteri 25%, Pihak Berkuasa Tempatan 18%, Pertubuhan Bukan Kerajaan 15%, hakim dan majistret 13%, pegawai bank 10% serta pegawai tentera dan pemimpin agama 9%. Dalam laporan tersebut juga, 71% responden berpendapat rasuah berlaku di kalangan kakitangan kerajaan.

Berdasarkan Indeks Persepsi Rasuah bagi tahun 2020 yang dikeluarkan oleh Transparency International, Malaysia tersenarai di kedudukan ke 57 daripada 180 negara, turun mendadak 6 anak tangga berbanding tahun sebelumnya. Negara-negara bukan Islam juga didapati menguasai senarai kelompok 20 terbaik dunia termasuklah Singapura yang berada di kelompok 3 negara terbaik. Angka dan persepsi ini amat memalukan dan merendahkan imej Islam dan integriti negara yang ditadbir oleh orang Islam.

Rasuah yang berlaku adalah punca hilangnya keyakinan rakyat kepada pemerintah, hilangnya keberkesanan dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan, Negara kehabisan wang hingga terpaksa menanggung hutang.



Sebagai sebuah negara umat Islam seperti Malaysia, amalan rasuah tiada tempat untuk ianya berlaku sama sekali. Penegasan Islam sangat jelas tentang rasuah. Agama Islam melaknat dan memberi ancaman neraka terhadap orang yang memberi dan menerima rasuah sebagaimana dinyatakan di dalam sebuah hadith Rasulullah SAW yang telah diriwayatkan oleh Abdullah Bin Amru Radiallu Anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الرَّاشِيَ وَالْمُرْتَشِيَ.

"Rasulullah SAW melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah".

(Riwayat al-Tirmizi).

Dalam hadith lain juga, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abdullah Bin Amru Radiallu Anhuma bahawa nabi SAW bersabda yang bermaksud:

"Pemberi rasuah dan penerima rasuah masuk ke neraka".

(Riwayat al-Thobarani).

Muslimin yang dikasihi Allah,

Antara punca utama ancaman neraka dan kemurkaan Allah SWT ini tidak ditakuti dan diremehkan, kerana maksud dan matlamat hidup sebagai hamba Allah telah bertukar kepada kehendak memenuhi kecintaan dunia dan merasa akan hidup selama-lamanya.

Situasi memberi dan menerima rasuah adalah situasi di mana Islam sebagai Ad-Din tertinggi sebagai cara hidup telah dihumban ke tempat yang sangat hina dan dipijak oleh umatnya sendiri dan oleh musuh-musuhnya.



Ingatlah bahawa mencintai dunia dan segala keindahan palsu tidak akan ada titik penghujungnya. Manusia yang salah memandang dunia dan tujuan penciptaannya ke dunia, tidak akan pernah menghentikan kehendaknya yang tidak berkesudahan.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Perlu diakui, kita sedang menghadapi krisis kejujuran, keikhlasan dan integriti yang sangat serius. Ketidaktentuan politik dan ketidakstabilan ekonomi semasa akan menjadi ramuan lengkap yang akan membawa kehancuran yang dahsyat kepada ummah dan negara.

Saudara ku sekalian, malulah kita semua kepada bangsa dan penganut agama lain yang sentiasa melihat dan memerhatikan tingkah laku kita yang bukan sahaja tersasar jauh dari landasan Islam sebenar, bahkan terkeluar dari prinsip-prinsip nilai sejagat yang disepakati oleh semua. Umat Islam yang sepatutnya dihormati, dijadikan contoh, ikon dan panduan mereka, sebaliknya kini dipandang keji, hina dan sebagai faktor rosaknya kelangsungan negara yang aman, damai, membangun dan sejahtera.

Pemimpin-pemimpin Islam dalam politik yang memegang tampuk kekuasaan atau sebagai orang berkedudukan dalam politik atau sebagai ahli politik biasa, ketua-ketua jabatan di pelbagai peringkat dan pemimpin masyarakat di peringkat akar umbi, diingatkan agar tidak menjadi pembuka ruang dan jalan kepada melebarnya perbuatan rasuah untuk kepentingan kedudukan dan kuasa. Berwaspadalah wahai mereka yang memimpin dan berkuasa, anda semua tidak akan terlepas dari perhitungan di hadapan Allah SWT tentang kepemimpinan anda hari ini. Sesungguhnya Allah SWT itu Maha luas pengetahuannya dan anda akan menerima balasan yang sangat pedih dan dahsyat, kerana anda telah mengundang kemurkaanNya.



Justeru marilah kita bersama-sama memerangi dan menjauhi rasuah. Humbankan jauh-jauh sifat tamak dan pentingkan diri sendiri daripada diri kita semua. Bersyukurlah atas nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT, nescaya dan pasti Allah SWT akan menambahkan rezeki dalam bentuk yang ditetapkan olehNya. Sesungguhnya sesiapa yang tidak bersyukur dengan yang sedikit, nescaya tidak mungkin bersyukur dengan yang banyak. Yakinlah bahawa orang yang bersyukur akan dikurniakan keberkatan dan rezeki berlipat ganda daripada Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah Ibrahim, ayat 7:

وَإِذْ تَأْتِيَنَّكَ رَبُّكَ رَبُّكُمْ لِيَنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلِيَنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

"Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan Demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras".

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah pada minggu ini, khatib ingin menegaskan:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa melaksanakan segala perintah Allah akan mendapat balasan syurga dan melanggar perintah Allah akan dimasukkan ke dalam neraka.
2. Umat Islam wajib menjauhi perkara-perkara yang haram seperti memberi dan menerima rasuah kerana ia adalah merupakan dosa besar.



3. Umat Islam perlu menghindari sebarang bentuk perlakuan rasuah kerana Rasulullah SAW sendiri melaknat orang yang memberi dan menerima rasuah.

4. Umat Islam hendaklah bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa untuk memerangi dan membanteras segala bentuk rasuah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا
النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ
اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya manusia dan batu (berhala), neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan".

(al-Tahrim : 6).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي
وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا
اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

Hadirin yang berbahagia,

Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpulkan. Bersatu dalam apa jua situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan duniawi, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah لا إله إلا الله, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.

Dalam usaha kita memutuskan rantai Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk terlebih dahulu sebelum datang ke masjid atau surau, membawa sejadah



masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan fizikal. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصِّمْدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ،
سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، ابن المرحوم
سُلْطَانَ صَلاَحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِّمْ
الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ
عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكُّوْا أَمِيرِ شَاهِ، ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ
ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ
يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا، مُصْلِحَيْنِ
لِلْمَوْظَفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرِّشَادِ.



Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءِ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

